

JPS anjur misi bantuan banjir

KUALA LUMPUR - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melancarkan Misi Bantuan Bencana Banjir ke Kelantan untuk membantu mangsa banjir dan membersihkan kawasan dilanda banjir di negeri itu.

Menurut JPS, tumpuan utama akan diberikan kepada kawasan yang paling teruk

mengalami banjir, iaitu di Kota Bharu dan Kuala Krai.

Konvoi Misi Bantuan Bencana Banjir yang berlepas ke pantai timur pada Ahad lalu, terdiri daripada 20 sukarelawan JPS yang menaiki tujuh kenderaan 4x4.

"Misi ini juga membawa bersama barangan keperluan mangsa banjir seperti makan-

an kering berupa biskut dan makanan dalam tin, minuman termasuk air kotak serta mineral dan telekung.

"Selain itu, misi ini juga membawa baju-T, kain batik, kain pelekat, barangan bayi dan keperluan asas wanita yang disumbangkan oleh warga JPS serta Puspanita," menurut JPS dalam satu kenyataan.